

# **Pendapatan, Perbelanjaan dan Kebajikan Isi Rumah**

oleh

**Mohammad Ikmal Kadir**

**Pegawai Penyelidik**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Perbezaan pendapatan mencerminkan sistem perbelanjaan yang berbeza. Mereka yang berpendapatan tinggi akan berbelanja lebih secara mutlak bagi setiap kumpulan perbelanjaan berbanding yang berpendapatan bawahan. Namun demikian, golongan berpendapatan tinggi menghabiskan peratusan yang lebih rendah pendapatan mereka untuk makanan dan keperluan asas yang lain. Ini sejajar dengan Hukum Engel (Engel's Law) yang dikemukakan pakar perangkaan Jerman, Ernst Engel yang merumuskan bahawa bahagian pendapatan yang dibelanjakan untuk makanan akan berkurangan apabila terdapat kenaikan pendapatan. Di Malaysia, terdapat 2.7 juta isi rumah yang masih tergolong dalam golongan berpendapatan rendah. Dengan pelbagai inisiatif yang diambil untuk membasmi kemiskinan mereka ini masih terlekat di status berpendapatan rendah dengan pendapatan bulanan purata RM2,537.

## **Perbelanjaan Isi rumah dan kebajikan golongan bawahan**

Kita sering mengukur kebajikan isi rumah dengan melihat kepada pendapatan, ukuran sedemikian mungkin sesuai bagi masyarakat yang berpendapatan tinggi. Bagi masyarakat sebaliknya, paras pendapatan tidak begitu bermakna terutama dalam paras yang kurang daripada “paras pendapatan kemiskinan” (PGK). Kita sering juga membandingkan pendapatan dengan perbelanjaan minimum yang diperlukan untuk memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan untuk mengetahui adakah ia tergolong dalam kategori “vulnerable”. Khususnya, perbandingan sedemikian sangat penting untuk memahami keperitan hidup 40 peratus golongan bawahan yang biasa disebut sebagai “bottom forty” atau B40.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Perlu diingat bahawa konsep purata pendapatan bulanan dan PGK adalah berbeza. Angka purata dan penengah yang jauh berbeza menunjukkan bahawa kita menghadapi masalah yang serius dalam taburan pendapatan isi rumah. Pada tahun 2009 purata perbelanjaan isi rumah ialah RM2,190, jauh melebihi PGK purata kebangsaan sebanyak RM800 dan lebih kecil daripada purata pendapatan bulanan. Ini mencerminkan secara kasar bahawa isi rumah negara ini mempunyai paras kebajikan yang baik.

Dari jumlah purata perbelanjaan isi rumah ini, perbelanjaan tertinggi adalah untuk kumpulan “perbelanjaan perumahan, air elektrik gas dan bahan api yang lain” iaitu sebanyak 22.6% dari jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh kumpulan “perbelanjaan makanan dan minuman tidak beralkohol” sebanyak 20.3%, kemudiannya pengangkutan iaitu sebanyak 14.9% perbelanjaan keseluruhan. Pada tahun yang sama, golongan B40 berkongsi hanya 14% daripada keseluruhan pendapatan negara dengan purata pendapatan bulanan RM1,440 bagi penduduk bandar dan RM1,033 bagi penduduk luar bandar. Tahap pendapatan ini hanya memenuhi dua-pertiga dari jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah bagi penduduk bandar dan satu-perdua bagi penduduk luar bandar. Ini mencerminkan, golongan ini walaupun tidak miskin berdasarkan PGK tetapi tersisih dari segi piawai perbelanjaan isi rumah biasa rakyat Malaysia sehingga ia dianggap sebagai golongan “vulnerable”.

Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11) bercadang menangani masalah “vulnerability” golongan B40 yang boleh dicapai dengan berkesan dengan merapatkan jurang pendapatan antara golongan ini dengan golongan berpendapatan lebih tinggi. Ini boleh dicapai jika pendapatan B40 tumbuh lebih pantas dari golongan lain. Namun demikian, arah aliran sebegini jarang berlaku dalam kebiasaan.

### **Indeks harga pengguna**

Maklumat tentang “bakul kelaziman pengguna” diperoleh oleh Jabatan Perangkaan dari “penyiasatan perbelanjaan pengguna” dan digunakan sebagai asas pengiraan indeks harga pengguna (IHP). Walau bagaimanapun, bakul ini mengandungi banyak barang dan perkhidmatan harga terkawal menjadikan indeks tersebut terhibab dari mempamerkan realiti perbelanjaan sebenar. Perlu diingat bahawa harga berfungsi sebagai isyarat pasaran selain dari menerangkan

perbelanjaan seunit bagi pengguna dan pendapatan seunit bagi penjual. Sebagai isyarat pasaran, harga melambangkan keberadaan pasaran, sama ada sedang menghadapi kekurangan atau kelebihan bekalan. Harga terkawal tidak dapat memainkan peranan isyarat pasaran ini sehingga maklumat keberadaan pasaran terhibab. Rungutan pengguna harga naik tinggi tidak dicerminkan oleh indeks IHP mungkin berasas kerana kelemahan yang terdapat dalam bakul kelaziman pengguna tersebut. Maka, pembentukan bakul kelaziman pengguna mungkin perlu diberi pertimbangan semula supaya tidak memasukkan barangan dan perkhidmatan kawalan. Dengan ini, IHP sebenar mungkin lebih tinggi daripada kelaziman, namun ianya diterima umum sebagai melambangkan keadaan sebenar.

Tiga kumpulan barangan yang mengambil hampir dua-pertiga jumlah perbelanjaan pengguna - makanan dan minuman, perumahan dan pengangkutan - mempunyai kepentingan dari segi kawalan harga, yang seterusnya membentuk hijab pasaran. Untuk mengembalikan peranan IHP sebagai penyampai isyarat pasaran yang berkesan, unsur-unsur kawalan harga tersebut harus disingkirkan dari IHP. Dengan kata lain, buat masa ini IHP tidak dapat mempengaruhi persepsi masyarakat bahawa ianya mencerminkan gambaran sebenar harga umum kecuali kita mengambil tindakan seperti yang dicadangkan di atas. Kesannya, berkemungkinan kita terpaksa menerima hakikat tentang kenaikan sementara kadar inflasi. Namun demikian, ianya akan kembali stabil di dalam jangka masa panjang dan yang lebih penting isyarat harga mampu memainkan peranan yang lebih cekap menstabilkan pasaran.